

Iltizam Tinggi Untuk Lakukan Terbaik Untuk Rakyat Malaysia Dorong Najib Kekal Bertenaga
Bernama
3 Mei, 2013

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata semangat untuk sentiasa melakukan yang terbaik untuk rakyat Malaysia telah mendorongnya untuk kekal bertenaga dalam menghadapi jadual kempen pilihan raya umum ke-13 yang sangat padat.

Katanya, kesedaran mengenai amanah berat rakyat dan negara yang dipikulnya sebagai perdana menteri juga menggalakkannya kekal pada tahap kecergasan fizikal yang optimum.

"Kerana iltizam dan kesungguhan untuk lakukan yang terbaik sebab saya tahu saya mengalas amanah yang besar untuk rakyat dan untuk negara.

"Apabila saya mengambil alih sebagai perdana menteri, saya telah berikrar kepada diri saya dan juga rakyat Malaysia bahawa saya akan melakukan sedaya upaya saya," katanya.

Beliau berkata demikian dalam program Mandat 2013 yang dikendalikan Pengarah Eksekutif Berita dan Operasi Editorial Media Prima Berhad Datuk Ahmad A Talib yang disiarkan di TV3 Jumaat malam.

Untuk kecergasan fizikal, Najib berkata beliau menjalankan latihan di gim dua hingga tiga kali seminggu dengan bantuan jurulatih.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=947287>